



SATU daripada dua tingkat dalam terowong SMART yang akan dibuka kepada lalu lintas mulai Mac ini.

SMART percuma Mac ini

Kosmo 30/1

Oleh MANIRAH OTHMAN
manirah@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Orang ramai berpeluang mencuba laluan bawah tanah projek Pengurusan Air Banjir dan Terowong Jalan (SMART) secara percuma selama sebulan mulai Mac ini.


Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu yang melawat projek itu semalam memberitahu, selepas tempoh itu, tol akan dikenakan pada kadar yang akan ditetapkan kemudian.

Tahap perkembangan projek itu kini ialah 94 peratus dan dijangka siap sepenuhnya Julai ini.

Ia bakal memendekkan masa perjalanan dari 30 minit kepada 5 minit dari Jalan Sungai Besi ke Jalan Tun Razak berhadapan Bank RHB dan Jalan Sultan Ismail bersebelahan Berjaya Times Square.

Pengarah projek, K.J. Abraham ketika sesi taklimat kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho pagi semalam memberitahu, projek itu bakal membebaskan Kuala Lumpur daripada ancaman banjir besar dengan kapasiti mengalirkan tiga juta meter padu air.

Ia mula dibina pada 1 Ja-



LALUAN ALTERNATIF SMART KE PUSAT BANDAR

Petunjuk:
■ Terowong SMART
■ Jalan Sultan Ismail Extension

GRAFIK: KHAIRUL FAZIN

nuari 2003 dengan tiga tingkat iaitu tingkat paling bawah untuk aliran air manakala dua tingkat lagi untuk lalu-lintas.

Bagaimanapun, tambah Abraham, kedua-dua tingkat itu juga boleh digunakan untuk aliran air jika keadaan memerlukan.

"Sekiranya keadaan ini terjadi kita akan bagi isyarat kepada orang ramai kira-kira dua jam sebelum ia dibuka kepada aliran air," katanya.

SMART SEPINTAS LALU

- **Kontraktor:** Konsortium MMC Engineering Group Berhad dan Gamuda Berhad
- **Mula dibina:** Januari 2003, siap sepenuhnya Julai 2007
- **Kos:** RM1.9 bilion
- **Fungsi:** Mencegah banjir serta laluan alternatif kenderaan untuk mengelak kesesakan
- **Jarak:** 11 kilometer

- Terowong tiga tingkat, tingkat bawah untuk laluan air manakala tengah dan atas untuk laluan kenderaan.
- Untuk kenderaan ringan seperti kereta dan van. Bas, lori dan motosikal tidak dibenarkan.
- Mampu mengalirkan 3 juta meter padu air pada satu-satu masa dari Sungai Klang di Kampung Berembang ke kolam tadahan Taman Desa.